

PELAKSANAAN PEMANGKUAN BAGI TUJUAN KENAIKAN PANGKAT

BIL.	PERKARA	BUTIRAN / PERINCIAN
1.	Tujuan	Penambahbaikan proses kenaikan pangkat kepada staf akademik dan staf pentadbiran Gred 41 dan ke atas.
2.	Objektif	Menilai keupayaan staf melaksanakan tugas dan tanggungjawab di gred jawatan yang lebih tinggi. Prestasi semasa pemangkuan dijadikan asas utama oleh Jawatankuasa Pemilih untuk mempertimbangkan kenaikan pangkat.
3.	Syarat	<ol style="list-style-type: none"> 1. Disahkan dalam perkhidmatan; 2. Mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; 3. Diperaku oleh Ketua PTj; 4. Bebas daripada hukuman tatatertib; 5. Telah mengisytiharkan harta; 6. Lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM); 7. Bebas daripada disenaraikan sebagai Peminjam Pendidikan Tegar daripada institusi pinjaman pendidikan; dan 8. Syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pemilih.
4.	Tempoh	Minimum enam (6) bulan dan boleh dilanjutkan mengikut prestasi semasa staf.
5.	Pemantauan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Penetapan KPI ditentukan oleh Universiti / Fakulti. 2. Prestasi staf hendaklah dipantau oleh Ketua PTj melalui KPI yang telah ditetapkan. 3. Ulasan daripada Ketua PTj akan membantu Jawatankuasa Pemilih menentukan sama ada layak diberi kenaikan pangkat.
6.	Tarikh Kuat kuasa	Staf melaporkan diri untuk melaksanakan tugas jawatan yang dipangku atau tarikh lain yang ditentukan oleh pihak universiti.
7.	Kuasa Pihak Universiti	Menetapkan tempoh, melanjutkan atau menamatkan tempoh pemangkuan yang difikirkan suaimanfaat sebelum kenaikan pangkat. Bagi kepentingan perkhidmatan, pihak universiti boleh memberi pengecualian tanpa pemangkuan tertakluk memenuhi syarat skim perkhidmatan jawatan berkaitan.